

04 MAY 1996

MAJLIS TERTINGGI UCAP TAKZIAH KEPADA PRESIDEN SUHARTO

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno, yang bermesyuarat hari ini, mengucapkan takziah kepada Presiden Suharto di atas kembalinya Ibu Tien ke Rahmatullah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, menyatakan perkara itu kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Ibu Tien, 73, yang nama penuhnya Siti Hartinah Suharto, meninggal dunia di Jakarta pada 28 April lepas akibat serangan jantung.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut memberikan penghormatan terakhir kepada jenazah Ibu Tien di kediaman keluarganya di Dalem Kalitan di Surakarta, Jawa Tengah. -- BERNAMA

TEAM NAK